PENDAKWA RAYA

lwn.

YEOH MAY CHENG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' SYED AHMAD IDID H
[PENYEMAKAN JENAYAH NO. 43-6-1995]
5 JUN 1995

PENGANGKUTAN JALAN: *Perlindungan insurans kereta - Samada insurans menjadi tidak sah jika kereta dipandu oleh seorang yang lesen memandunya telah tamat tempoh.*

PENGANGKUTAN JALAN: *Memandu tanpa lesen - Jawapan pemandu disalahertikan sebagai telah memandu tanpa lesen - Saman dikeluarkan dengan silap bagi kesalahan memandu tanpa lesen - Kesan.*

[English Translation of Catchwords]

ROAD TRAFFIC: *Car insurance cover - Whether insurance invalidated when car driven by someone with expired driving licence.*

ROAD TRAFFIC: *Driving without licence - Driver's answer wrongly interpreted as having driven car without a licence - Summons wrongly issued for driving without licence - Effect.*

Responden telah dihadapkan di Mahkamah Majistret bagi dua kesalahan, iaitu, di bawah s. 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana tiada lesen memandu dan di bawah s. 90(1) kerana tiada polisi insurans dan responden telah mengaku salah terhadap kedua-dua kesalahan tersebut. Bagi kesalahan di bawah s. 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, responden telah ditanya samada dia mempunyai lesen dan jawapan kepada itu adalah "Saya tak ada lesen" dan berdasarkan kepada jawapan tersebut responden telah disaman. Responden dijatuhkan hukuman denda RM200 bagi kesalahan pertama dan denda RM200 dan penggantungan lesen bagi kesalahan kedua. Majistret, walaubagaimanapun, telah mendapati dari notis penggantungan lesen bahawa responden mempunyai lesen memandu yang sah dan pertuduhan yang sesuai adalah di bawah s. 58(2). Justeru itu, Majistret telah meminta Mahkamah Tinggi menyemak kes tersebut.

Diputuskan:

[1] Seorang pemandu dengan lesen yang luput tidak semestinya kehilangan perlindungan insurans. Tiap-tiap kejadian begitu mesti diperiksa dengan teliti dari dokumen-dokumen yang berkait.

[2] Waktu prosiding semakan, tiada permintaan dibuat untuk mengalih pertuduhan di bawah s. 26(1) kepada s. 58(2) yang lebih sesuai dan tepat. Memandangkan kepada keadilan sejati, maka Mahkamah tidak membuat apa-apa keputusan untuk menukarnya. Walaubagaimanapun, adalah disarankan bahawa dalam kes-kes yang akan datang, pihak pendakwa lebih peka dan cekap mengenai kejituan pertuduhan dan pilih pertuduhan yang sebenarnya dan sewajarnya.

Per curiam:

Bagi menghindarkan dari terjadi kekeliruan dalam mengeluarkan saman bagi kesalahan di bawah s. 26(1) Akta Pengangkutan Jalan atau s. 58(2) Akta yang sama, pertanyaan yang perlu diajukan dalam menentukan samada pemandu mempunyai lesen, adalah

"Adakah tuan/puan telah dilesenkan untuk memandu" dan jika jawapannya positif, perlu di tanya di mana lesen tersebut.

[Sabitan dan hukuman denda terhadap pertuduhan pertama dikekalkan; pertuduhan kedua dibatalkan; lesen dan wang denda RM200 dipulangkan]

Kes-kes yang dirujuk:
Public Prosecutor v. Hiew Chin Fong [1988] 1 MLJ 467 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor v. Ung Ah Leng [1974] 1 MLJ 84 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor v. Sia Yok Hua [1974] 1 MLJ 93 ***(dirujuk)***
Velusamy & Anor. v. Public Prosecutor [1974] 1 MLJ 15 ***(dirujuk)***
Criminal Appeals 61 of 1984, 51-212-87, 51-530-87, High Court, Ipoh 6 September 1990, ***(dirujuk)***
Josephine Yii Chui Leng v. Public Prosecutor [1973] 2 MLJ 47 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor v. Albert See [1971] 1 MLJ 47 ***(dirujuk)***
Edwards v. Griffiths [1953] 1 WLR 1199 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Pengangkutan Jalan 1987, ss. 26(1), (2), 58(2), 90(1), (2), 119(1), (2)
Kanun Prosedur Jenayah, s. 323(i)

Bagi pihak pemohon - Zahruddin bin Mohd. Isa, TPR
Bagi pihak responden - Mark Ho Hing Kheong

PENGHAKIMAN

Syed Ahmad Idid H:

Berikutan satu permintaan dari tuan Majistret Kuala Lumpur maka saya telah mendengar kes tersebut tertakluk kepada s. 323(i) Kanun Prosedur Jenayah.

Responden telah dihadapkan di Mahkamah Majistret dibawah dua tuduhan iaitu (i) pada 6 Februari 1995 lebih kurang 5.30 petang di Jalan Bukit Bintang sebagai pemandu kereta K7997Q telah "tiada lesen memandu" dan (ii) "telah tiada Policy Insurans". Kesalahan pertama adalah di bawah s. 26(1) Akta Pengangkutan Jalan (Road Transport Act) 1987 dan yang kedua di bawah s. 90(1).

Hukuman terhad dibawah (i) s. 26(2) "to a fine not exceeding RM1,000 or to imprisonment ... not exceeding three months or to both ..." dan (ii) s. 90(2) "to a fine not exceeding RM1,000 or to both" dan untuk kesalahan kedua juga "disqualified from holding or obtaining a driving licence under Part II for a period of 12 months from date of conviction."

Pada 8 Mac 1995, OKS/responden telah mengaku salah terhadap kes saman trafik yang tersebut di atas.

Tuan Majistret telah menjatuhkan hukuman denda RM200 jika tidak bayar 3 hari penjara bagi kesalahan pertama di bawah s. 26(1) Akta Pengangkutan Jalan dan denda RM200 jika tidak bayar 3 hari penjara bagi kesalahan kedua di bawah s. 90(2) Akta yang sama. Mahkamah juga telah menggantung lesen Kelas 'D' OKS selama setahun.

Kerap kali apabila seorang pemandu ditanya mengenai lesennya, sungguh pun dia telah dilesenkan, jawapannya ialah "saya tak ada lesen." Ini sering terjadi apabila dia terlupa membawa lesennya bersama. Dari segi fizikal, jawapan itu memang benar kerana lesen tidak bersamanya pada waktu itu. Tetapi dari segi undang-undang keadaan mungkin bukan serupa iaitu pemandu itu dilesenkan cuma dia lupa bawa lesen ketika itu.

Yang sepatutnya pegawai yang berkenaan lebih molek jika bertanya "Adakah tuan/puan telah dilesenkan untuk memandu ... ?" Jika ya, "di mana lesen tersebut?" Dan dari itu penyelidikan dapat dijalankan untuk menentukan sama ada lesen itu masih hidup atau sudah luput.

Saya berharap juga di Mahkamah tuan/puan Majistret akan bertanya orang kena saman (OKS) di pertuduhan serupa yang ternyata di kes ini "Adakah anda telah dilesenkan untuk memandu ..." (Have you been licensed to drive?). Jika pegawai polis/JPJ atau tuan/puan Majistret telah menjalankan siasatan atau pertanyaan yang disebut di atas maka semakan ini tidak ujud.

Walaubagaimanapun, tuan Majistret dalam kes ini telah mendapati dari notis penggantungan lesen bertarikh 8 Mac 1995 bahawa OKS mempunyai lesen memandu sah sewaktu kesalahan.

Jika pada awalnya didapati bahawa responden telah "dilesenkan" (licensed to drive) maka pertuduhan sesuai dipinda ke s. 58(2):

> Any person in charge of a motor vehicle on a road shall, on being so required by any police officer, any traffic warden or any road transport officer having reason to believe that he has committed any offence under this Act, produce his driving license for inspection by such officer.
>
> If any person fails to comply with this section, he shall be guilty of an offence.

dan boleh dihukum bawah s. 119(1)/119(2) APJ:

> Any person who is guilty of an offence under this Act shall, where no special penalty is provided, be liable in the case of a first conviction, to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three months and, in the case of a second or subsequent conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Jika seseorang itu telah atau masih dilesen untuk memandu kenderaan, ini dengan serta merta bermakna bahawa kesalahan di bawah s. 90(1) tidak berlaku.

Kesalahan di bawah s. 90(1) adalah serius oleh kerana:

> ... if an innocent road user is knocked down and injured or killed, he and/or his dependants may have no means of recovering from the uninsured driver any loss or damage he and/or they may have suffered or sustained

per Chong Siew Fai J (as he then was) in *Public Prosecutor v. Hiew Chin Fong* [1988] 1 MLJ 467.

Saya telah membaca autoriti-autoriti berkaitan termasuk *Public Prosecutor v. Ung Ah Leng* [1974] 1 MLJ 84, *Public Prosecutor v. Sia Yok Hua* [1994] 1 MLJ 93, *Velusamy & Anor v. Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 15 dan unreported judgment of Peh Swee Chin J (as his Lordship then was) in Criminal Appeals 61 of 1984, 51-212-87, 51-530-87 and 51-330-87 at the High Court in Ipoh on 6 September 1990. Kesemua telah membincang dari segi undang-undang berkaitan dan hal-hal berbangkit yang dengan sejurus ada kena-mengena dengan s. 26(2) dan 90(2). Dari pandangan para Hakim tersebut saya dapati bahawa dalam kes hari ini OKS tidak bersalah dibawah s. 90(2).

Saya berharap alasan ini akan dapat membantu pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di bawah Akta Pengangkutan Jalan bersikap lebih fokus mengenai kesalahan yang tertentu dan sebenarnya dilakukan dan bukan cuma sambil lewa mendakwa dengan bukti yang berlainan.

Untuk renungan kita bersama adakah insurans kereta dengan tiba-tiba dimentaksahkan (immediately becomes invalidated) jika kereta itu dipandu oleh seorang yang lesennya telah tamat tempohnya? Kes *Josephine Yii Chui Leng v. Public Prosecutor* [1973] 2 MLJ 47 telah memutuskan bahawa:

> ... taking into account the evidence of the insurance company's representative, ... she (the appellant there) ... was in fact still covered by the insurance policy

sungguhpun pada waktu dia memandu kereta tersebut dia cuma miliki "expired driving license". Sila lihat juga *Public Prosecutor v. Albert See* [1971] 1 MLJ 47 dan *Edwards v. Griffiths* [1953] 1 WLR 1199. Ini lagi satu alasan yang seorang pemandu dengan lesen yang luput tidak semestinya kehilangan perlindungan insurans. Dengan itu tiap-tiap kejadian begitu mesti diperiksa dengan teliti dari dokumen-dokumen yang berkait.

Pada waktu prosiding semakan ini, pihak pemohon tidak minta supaya Mahkamah alih pertuduhan pertama kepada s. 58(2) yang lebih sesuai dan tepat. Dan oleh sebab Peguambela bagi responden setuju memandangkan kepada keadilan sejati maka Mahkamah ini tidak membuat apa-apa keputusan untuk menukarnya. Walaubagaimanapun adalah disarankan bahawa dalam kes-kes yang akan datang, pihak pendakwa mesti lebih peka dan cekap mengenai kejituan pertuduhan dan pilih pertuduhan yang sebenarnya dan sewajarnya.

Untuk kes semakan ini yang ditetapkan untuk pendengaran pada hari ini dengan kehadiran Encik Zahruddin bin Mohammed Isa Timbalan Pendakwa Raya bagi pihak pemohon dan Encik Mark Ho Hing Kheong Peguam bagi pihak responden dan dengan ketidakhadiran responden **dan setelah membaca** rekod Mahkamah Majistret **dan setelah mendengar** kedua-dua pihak yang tersebut di atas **adalah diperintahkan** bahawa sabitan dan hukuman denda terhadap pertuduhan pertama dikekalkan dan **adalah juga diperintahkan** bahawa pertuduhan kedua dengan ini dibatalkan **dan adalah deperintahkan selanjutnya** lesen memandu dan wang denda RM200 atas pertuduhan kedua dipulangkan kepada responden.